



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH
HARI POTENSI TABIKA KEMAS
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017**

**BERTEMPAT DI KOLEJ MATRIKULASI PAHANG,
PAHANG DARUL MAKMUR**

**26 NOVEMBER 2016 (SABTU)
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

Terima kasih saudara / saudari Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmannirrahim

Asalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1KEMAS

Yang Berbahagia Dato' Arif Bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

Yang Berusaha Encik Hassan Bin Manaf
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan)
Wakil Ketua Pengarah KEMAS Malaysia

Ketua – ketua Agensi dan Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pegawai-pegawai KEMAS

Dato'-Dato, Datin-Datin, Dif-dif Jemputan, Tuan-Tuan, Puan-Puan serta anak-anak Tabika KEMAS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah sempena Hari Potensi Tabika KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada malam ini.
2. Rasa syukur perlu kita panjangkan dalam konteks situasi keamanan dan kemodenan yang kita kecapai dalam negara kita sekarang. Walaupun ada usaha-usaha pihak tertentu yang cuba menimbulkan kekacauan dalam situasi yang tidak tenteram di dalam negara.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan syabas dan tahniah kepada KEMAS di atas kejayaan menganjurkan Hari Potensi Tabika KEMAS Tahun 2016. Syabas juga saya ucapkan kepada semua kanak-kanak Tabika KEMAS yang telah menyertai Hari Potensi Peringkat Kebangsaan pada tahun ini baik dari peringkat parlimen, daerah, negeri sehinggalah ke peringkat kebangsaan. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sokongan

dan kerjasama, terutamanya kepada ibu bapa/penjaga, Ahli Jawatankuasa Tabika, Jabatan, agensi-agensi kerajaan dan orang perseorangan.

4. Saya yakin dan percaya telah banyak usaha dan sumbangan yang telah dicurahkan baik dari segi masa, tenaga dan wang ringgit bagi mempersiapkan keperluan dan kelengkapan anak-anak ini. Bahkan saya difahamkan ada ibu bapa dan jawatankuasa Tabika yang sanggup datang jauh dari seluruh pelusuk negara dengan perbelanjaan sendiri semata-mata untuk bersama-sama memberi sokongan kepada anak-anak mereka yang menyertai pertandingan sempena Hari Potensi pada kali ini. Juga tidak lupa kepada Pemaju-pemaju Masyarakat yang tidak jemu-jemu melatih anak-anak ini dengan gigih sehingga sampai ke tahap ini. Semoga kerjasama ini diteruskan pada masa yang akan datang untuk kebaikan anak-anak yang kita kasihi.

Yang Berhormat Dato'- Dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

Peranan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak

5. Dalam memastikan pembelajaran anak-anak berterusan, tidak dinafikan bahawa tanggungjawab mendidik anak-anak bukan hanya tanggungjawab guru semata-mata tetapi juga ibu bapa itu sendiri. Anak-anak hanya bersama dengan guru selama 4 hingga 5 jam sehari berbanding dengan masa selebihnya bersama ibu bapa. Justeru, ibu bapa dan keluarga merupakan pengasuh yang paling penting dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan sahsiah kanak-kanak. Ini adalah kerana keluarga menjadi kumpulan sosial pertama yang melingkungi kehidupan anak-anak. Anak-anak merupakan anugerah dari Allah s.w.t yang telah diamanahkan kepada kita, maka jagalah amanah dan anugerah ini dengan sebaik-baiknya.

6. Ajaran Islam telah meletakkan asas yang kukuh agar ibu bapa bertanggungjawab dalam menjaga dan memberi pendidikan kepada anak-anaknya. Di samping itu, ibu bapa juga

perlu menunjukkan contoh teladan dan akhlak yang baik di hadapan anak-anaknya agar mereka dibesarkan dalam suasana akhlak yang mulia. Oleh itu, luangkanlah masa berkualiti bersama-sama anak, bermain dan ransang daya kreativiti anak-anak bagi mengembangkan lagi daya kreativiti dan imaginasi anak-anak kita.

7. Di dalam konteks negara sekarang, saya berharap semua warga KEMAS, ibu bapa, Pengerusi-pengerusi Tabika KEMAS memainkan peranan lebih proaktif mempengaruhi masyarakat setempat supaya sentiasa memastikan perpaduan, keharmonian dan keamanan negara supaya sentiasa terpelihara.

Program Transformasi Tabika

8. Anak-anak merupakan aset negara yang paling bernilai yang diharapkan dapat menjadi generasi pelapis yang boleh memimpin negara. Pepatah Melayu mengatakan “**jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya**”. Pepatah ini bertepatan dengan anak-anak di Tabika KEMAS. Merekalah “**rebung**” yang mudah dilentur dan dibentuk. Mereka jugalah “**kain putih**” yang mudah diwarna dan dicorakkan.

9. Sehubungan itu, pada bulan November 2015, saya selaku Menteri yang terlibat secara langsung dalam memberikan Pendidikan Awal Kanak-Kanak melalui KEMAS ini telah melancarkan Program Transformasi Luar Bandar. Salah satu transformasi yang akan dilakukan ialah menjadikan Tabika KEMAS sebagai **Tabika Berprestasi Tinggi yang menjadi pilihan utama ibu bapa**. Dalam menjayakan hasrat ini, KEMAS telah mengambil **dua (2) langkah utama** dalam merangka strategi pelaksanaannya.

Langkah Pertama Transformasi : Memberi nilai tambah kepada Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) sedia ada.

10. KEMAS adalah perintis awal pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang bermula seawal tahun 1970. Pada masa itu, kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ialah seiring dengan perubahan masa, KEMAS telah beralih kepada Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) bagi tujuan penyelarasan kurikulum standard pra sekolah seluruh Malaysia, seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

11. Melalui transformasi Tabika Berprestasi Tinggi ini, nilai tambah silibus pembelajaran akan merentasi kurikulum sedia ada bagi memastikan kualiti keberhasilan kanak-kanak akan dapat dipertingkatkan. Penekanan pembelajaran bukan sahaja fokus kepada pengukuhan kemahiran kanak-kanak, tetapi juga membina keterampilan modal insan agar mereka nanti berupaya untuk menangani cabaran semasa dan akan datang. Oleh itu, **tiga (3) modul utama** akan diperkenalkan iaitu, **Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI), Pemupukan Semangat Patriotik dan Modul Keyakinan Diri.**

12. Melalui modul penghayatan pendidikan Islam, kita mensasarkan kanak-kanak Tabika KEMAS akan bertambah ilmu dan boleh mengamalkan perkara-perkara asas sebagai umat islam seperti berwuduk dengan baik, tahu bersolat, hafal beberapa surah-surah lazim dan doa-doa harian. Mereka juga akan lebih mencintai bangsa dan negara melalui modul pemupukan semangat patriotik, manakala melalui modul keyakinan diri pula, mereka akan lebih berani dalam berkomunikasi dan mempunyai sifat kepimpinan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

Langkah Kedua Transformasi : Menaiktaraf Kemudahan dan Prasarana

13. Menyingkap kembali sejarah penubuhan tabika KEMAS pada tahun 1970 yang bermula dengan 10 buah kelas Tabika yang dibuka di Selangor. Pada ketika itu, kelas-kelas Tabika KEMAS dibuka dengan menumpang di bangunan awam seperti balai raya dan surau. Kemudahan premis dan peralatan adalah sangat minimum. Dari masa ke semasa KEMAS mempertingkatkan prasarana dan peralatan namun masih banyak yang perlu dibuat.

14. Untuk itu, kemudahan prasarana dan peralatan akan juga ditransformasikan supaya lebih kondusif. Bagi tahun 2016 ini, KEMAS telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM13 juta** untuk baik pulih bangunan sedia ada bagi memastikan anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat dan selesa. Kita juga telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM2.5 juta sebagai sumbangan korporat atau CSR bagi memperbaiki Tabika daif. Usaha-usaha ini akan dapat memberikan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa kepada kanak-kanak Tabika KEMAS.

Program Latihan Pemantapan Profesionalisme Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS

15. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Tranformasi Program Tabika KEMAS ini, Pemaju Masyarakat (PM) Tabika KEMAS sentiasa diperkasakan melalui program latihan pemantapan profesionalisme secara berterusan. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi untuk menghantar Pemaju Masyarakat mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bagi membolehkan mereka mendapat Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Lanjutan daripada itu, selepas menamatkan pengajian, Pemaju Masyarakat ini akan dilantik atas gred S29.

16. Selain dari itu, bagi Pemaju Masyarakat yang sedang berkhidmat yang telah memulakan kerjaya mereka atas gred yang lebih rendah, juga diberi peluang untuk mengikuti

pengajian melalui Program Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pengajian Guru (IPG). Kos pengajian ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Sehingga ambilan tahun 2016 lebih 6,000 orang yang berkelulusan Diploma atau lebih tinggi iaitu hampir 60% dari bilangan keseluruhan Pemaju Masyarakat Tabika dan Taska PERMATA KEMAS.

Peruntukan Bajet 2017

17. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan awal kanak-kanak. Dalam bajet 2017, YAB Perdana Menteri telah meluluskan kenaikan sugu hati kepada Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) dari RM400.00 kepada RM500.00 sebulan. Tambahan ini sahaja berjumlah hampir RM1 juta sebulan atau lebih RM10 juta setahun kepada KEMAS.

18. Selain tambahan RM10 juta setahun ini, KEMAS tetap diperuntukkan untuk membayar gaji dan elaun Pemaju Masyarakat, Bantuan Makanan Tambahan, Pemberian Geran Per kapita dan penyelenggaraan dan baik pulih yang berjumlah hampir RM150 juta setahun.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

Penutup

19. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang bagi pelbagai acara bakat yang dipertandingkan, kanak-kanak cemerlang dan Pemaju Masyarakat Inovatif dari setiap negeri serta Anugerah Kebun Dapur Terbaik. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

20. Datang dengan harapan, pulang dengan kejayaan. Kepada kontinjen yang menang dalam setiap acara, tahniah saya ucapkan. Manakala bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, usaha lagi. Semoga kejayaan akan menjadi milik anda di masa akan datang.

Berbanggalah pada diri sendiri kerana kejayaan bukan hanya terletak pada piala yang dimenangi tetapi juga penyertaan yang telah berjaya sampai ke tahap ini. Semoga kita semua mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah swt.

Dengan lafaz yang mulia, ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya merasmikan Majlis Penutupan Hari Potensi Tabika KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2016.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.